



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**PEMIKIRAN DAN TEKNIK PENCERITAAN DALAM NOVEL  
KOMPONEN SASTERA DALAM MATA PELAJARAN BAHASA  
MELAYU**

**FBMK 2005 1**

**PEMIKIRAN DAN TEKNIK PENCERITAAN DALAM NOVEL KOMPONEN  
SASTERA DALAM MATA PELAJARAN BAHASA MELAYU**

**Oleh**

**NIK RAFIDAH NIK MUHAMAD AFFENDI**

**Tesis Ini Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah,  
Universiti Putra Malaysia, Sebagai Memenuhi Keperluan  
untuk Ijazah Doktor Falsafah**

**Januari 2005**



**DEDIKASI**

Sekalung kasih buat:  
Ibu,  
Hjh. Che Ragayah Muhamad  
Ayah,  
Hj. Nik Muhamad Affendi Hj. Nik Mahmood  
Adik-adik,  
Nik Rafiza  
Nik Arman  
Nik Rafizan  
Nik Griff  
Nik Arsyad  
Nik Rafizah



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai  
memenuhi keperluan Ijazah Doktor Falsafah

**PEMIKIRAN DAN TEKNIK PENCERITAAN DALAM NOVEL KOMPONEN  
SASTERA DALAM MATA PELAJARAN BAHASA MELAYU**

Oleh

**NIK RAFIDAH NIK MUHAMAD AFFENDI**

**Januari 2005**

**Pengerusi : Hj. Ramli @`Sahari Bin Isin, Ph.D.**

**Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi**

Kajian ini bertujuan untuk mendapat maklumat dan rumusan tentang pemikiran dan teknik penceritaan dalam novel-novel komponen sastera bahasa Melayu. Berdasarkan 20 buah novel yang dijadikan bahan kajian dengan menggunakan pendekatan psikologi dan etika ini diharap dapat memperkuuh kenyataan bahawa kedua-dua aspek ini mempunyai hubungan dengan manusia. Objektif kajian ini untuk menganalisa pemikiran yang diungkapkan oleh pengarang dan melihat kepelbagaiannya teknik penceritaan yang digunakan dalam novel-novel yang dikaji.

Penyelidikan ini menyentuh beberapa kajian yang lalu, buku-buku dan kertas kerja yang memperkatakan pemikiran, teknik penceritaan dan bahan-bahan komponen sastera. Kajian ini juga menganalisis pemikiran yang merangkumi aspek sosiobudaya,

sosipolitik dan sosioekonomi dalam karya-karya pilihan. Aspek-aspek ini diteliti untuk melihat perkaitannya dengan masyarakat. Seterusnya, penganalisisan teknik penceritaan pula merangkumi teknik pemerian, tuturan yang terdiri daripada dialog, monolog dan monolog dalaman seterusnya imbas kembali, imbas muka, ketegangan dan kejutan. Teknik-teknik tersebut mempunyai fungsi masing-masing dalam memperkembangkan plot cerita.

Abstract of thesis submitted to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirements for the degree of Doctor of Philosophy

**THOUGHT AND NARRATIVE TECHNIQUE IN THE MALAY LITERATURE COMPONENT NOVELS**

By

**NIK RAFIDAH NIK MUHAMAD AFFENDI**

**January 2005**

**Chairman: Hj. Ramli @`Sahari Bin Isin, Ph.D.**

**Faculty: Modern Languages and Communication**

The main objective of the study is to gather information and to draw a conclusion on authors view and narrative techniques in the novel of Malay literature. Twenty novels have been studied using the psychological and ethical approaches. The researcher hopes the outcome of her study will strengthen the claim that the mentioned approaches are related to the life of mankind. Therefore, the objective of this study is to analyst the authors views and various techniques that they have explored in their novels.

The study has also examined several previous studies, books and seminar paper which discuss authors' views, narrative techniques and materials in literature. This study also analyst issues which are related to sociocultural, sosiopolitical and socioeconomic

aspects. These aspect have been examined closely in order to identify its relation with society. It has been found that the narrative techniques encompassed dialogue, monologue, internal monologue, flashback, foreshadowing, surprise and suspense. The techniques had their own functions in developing the plot of a narrative.

## PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha  
Pemurah dan Maha Penyayang

Alhamdulillah, bersyukur saya kepada Ilahi kerana dengan limpah rahmat-Nya  
dapat saya menyelesaikan penulisan tesis ini.

Dalam melaksanakan penyelidikan ini, saya merakamkan setinggi-tinggi  
penghargaan dan terima kasih kepada Dr. Ramli @ Sahari Isin selaku penggerusi  
penyeliaan dari Jabatan Bahasa Melayu, Dr. Mohd Hussein Hj. Baharuddin dari  
Jabatan Bahasa Melayu dan Prof. Madya Dr. Rosli Talif dari Jabatan Bahasa  
Inggeris Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia yang  
banyak memberikan saranan idea, membimbing dan menyemak tesis ini  
sepanjang masa sehingga dapat diselesaikan.

Rakaman terima kasih juga saya tujukan kepada Tuan Hj. Mohd Kasim Ismail,  
Dato Kamaruzzaman Kadir (Dharmawijaya), Dr. Haji Abdul Rahim Marasidi dan  
Puan Hjh. Halimah Hassan kerana sudi memberikan pandangan dan kemudahan  
meminjamkan buku-buku yang amat berharga dalam melaksanakan kajian ini.  
Rakaman terima kasih juga ditujukan kepada Prof. Madya Dr. Noor Aina Dani  
kerana sudi menyemak semula tesis ini dan kepada semua responden yang  
memberi kerjasama bagi menjayakan penyelidikan ini. Akhirnya, penghargaan

yang tidak terhingga kepada ibu, ayah dan adik-adik yang sentiasa memberikan galakan.

Wassalam.

Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi  
Lot 176 Jalan Telipot,  
15150 Kota Bharu, Kelantan.



Saya mengesahkan bahawa Jawatankuasa Pemeriksa bagi Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi telah mengadakan peperiksaan akhir pada 26hb Januari 2005 untuk menilai tesis Doktor Falsafah beliau yang bertajuk "Pemikiran dan Teknik Penceritaan Novel Komponen Sastera dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu" mengikut Akta Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1980 dan Peraturan-peraturan Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1981. Jawatankuasa Pemeriksa memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah tersebut. Anggota Jawatankuasa Pemeriksa adalah seperti berikut:

**NOOR AINA DANI, Ph.D.**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**AHMAD MAHMOOD MUSANIF, Ph.D.**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**ABDUL RAHIM MARASIDI, Ph.D.**

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**DATO' HJ. HASHIM AWANG, Ph.D.**

Profesor  
Fakulti Sastera dan Sains Kemasyarakatan  
Universiti Brunei Darussalam  
(Pemeriksa Luar)

  
**ZAKARIAH ABD. RASHID, Ph.D.**  
 Profesor/Timbalan Dekan  
 Sekolah Pengajian Siswazah  
 Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 17 MAR 2005

Tesis ini telah diserahkan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi keperluan ijazah Doktor Falsafah. Anggota Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti yang berikut:

**RAMLI @ SAHARI ISIN, Ph.D**  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**MOHD. HUSSEIN BIN HAJI BAHARUDIN, Ph.D**  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**ROSLI TALIF, Ph.D**  
Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)



---

**AINI IDERIS, Ph.D**  
Profesor / Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 14 APR 2005

**PERAKUAN**

Saya mengaku bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan telah diberi penghargaan di atas tesis. Saya juga mengaku bahawa tesis ini tidak dimajukan untuk ijazah-ijazah lain di Universiti Putra Malaysia atau institusi-institusi lain.



---

**NIK RAFIDAH NIK MUHAMAD AFFENDI**Tarikh : **16 / 3 / 2005**

## SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
DEDIKASI	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vii
PENGESAHAN	ix
PERAKUAN	xi
SENARAI KANDUNGAN	xii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
 <b>BAB</b>	
 <b>I PENDAHULUAN</b>	 1
Latar Belakang Kajian	1
Pernyataan Masalah	18
Kepentingan Kajian	21
Objektif Kajian	24
Batasan Kajian	24
Definisi Operasional	25
 <b>II SOROTAN LITERATUR</b>	 26
Kajian tentang Aspek Pemikiran dalam Novel Melayu	26
Kajian tentang Aspek Teknik Penceritaan dalam Novel Melayu	38
Kajian tentang Novel-novel Komponen Sastera dalam Bahasa Melayu	44
Kajian tentang Teori yang Menggunakan Pendekatan Psikologi	50
Kajian tentang Teori yang Menggunakan Pendekatan Etika	68
Kesimpulan	83
 <b>III METODOLOGI</b>	 85
Reka Bentuk Kajian	85
Kerangka Teori	85
Pendekatan Psikologi	85
Pendekatan Etika	95
Kerangka Konsepsi	99
Kaedah Kajian	100
Alat Kajian	100
Tatacara Kajian	100

	Penganalisisan Data	106
<b>IV</b>	<b>KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN</b>	108
	Persembahan Data	108
	Analisis Pemikiran	108
	Aspek Sosiobudaya	109
	Pendidikan	109
	Gejala Sosial	138
	Perpaduan Kaum	163
	Kekeluargaan	170
	Aspek Sosioekonomi	180
	Kemiskinan	181
	Pembangunan Ekonomi	188
	Aspek Sosiopolitik	194
	Kepimpinan	195
	Kepimpinan Politik	197
	Kepimpinan Kampung dan Daerah	197
	Kepimpinan Keluarga	202
	Kepimpinan Remaja	209
	Kepimpinan Guru	212
	Semangat Nasionalisme	214
	Analisis Teknik Penceritaan	220
	Teknik Pemerian	221
	Teknik Tuturan	255
	Dialog	255
	Monolog	282
	Monolog Dalaman	286
	Teknik Imbas Kembali	291
	Teknik Imbas Muka	305
	Teknik Ketegangan	312
	Teknik Kejutan	323
	Rasional Teori Dengan Dapatan Kajian	333
	Implikasi Dapatan Kajian	336
<b>V</b>	<b>RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	338
	Rumusan	338
	Cadangan Kajian Selanjutnya	346
	<b>BIBLIOGRAFI</b>	347
	<b>LAMPIRAN</b>	374
	<b>BIODATA PENULIS</b>	377

**SENARAI RAJAH**

<b>Rajah</b>	<b>Halaman</b>
1 Model Hierarki Maslow	64
2 Tiga Struktur Personaliti Menurut Perspektif Psikodinamik	87
3 Aplikasi Analisis	99



**SENARAI SINGKATAN**

DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
S.A.W	Salallahu Alaihi Wassalam
S.W.T	Subhanahu Wa Taala
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	Universiti Malaya
USM	Universiti Sains Malaysia
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
IPT	Institut Pengajian Tinggi



## **BAB I**

### **PENDAHULUAN**

#### **Latar Belakang Kajian**

##### **Pemikiran dalam Novel Melayu**

Secara umum, pemikiran menurut Mohd Yusof Othman (1998:59) mempunyai pengertian yang luas dan boleh diterangkan dalam pelbagai pendekatan. Namun, berfikir merupakan suatu usaha untuk meningkatkan pengetahuan seseorang. Oleh yang demikian hanya orang yang mampu berfikir boleh melakukan perubahan dan boleh menjana aktiviti yang bersifat kreatif dan membangun. Kemampuan dan keluasan berfikir tidak akan menjadikan seseorang itu stereotaip dalam tindakan dan amalannya. Konsep pemikiran pernah dijelaskan oleh Zainal Kling (1993:400) sebagai kegiatan untuk membentuk sesuatu sistem tanggapan yang akan menjadi rangka berfikir yang wajar bagi semua anggota masyarakat.

Manakala Asmah Hj. Omar (1986:17) memberikan pendapat tentang pemikiran seperti yang terdapat dalam petikan di bawah.

Adapun definisi yang diberikan oleh ahli-ahli psikologi untuk pemikiran, untuk tujuan kajian, kita akan mentafsirkannya sebagai kegiatan-kegiatan yang berlaku dalam otak kita apabila menghadapi sesuatu keadaan, perbuatan, dan sebagainya. Hasil daripada pemikiran itu adalah fikiran.

Pemikiran dalam kesusasteraan Melayu yang juga merangkumi novel Melayu pula menurut Hashim Awang (1997:15) mengandungi dua pemikiran. Pertama, pemikiran yang ditimbulkan oleh pelbagai watak dalam sesuatu cerita, lakonan dan sajak. Kedua pemikiran yang membangunkan tema utama atau makna daripada keseluruhan karya. Kedua-dua pemikiran tersebut berasal daripada penulis. Apabila pemikiran dinyatakan melalui watak tertentu dalam sesebuah karya, pembaca harus berhati-hati untuk tidak menjadikannya sebagai satu nilai yang benar. Pemikiran bertujuan sama ada membiarkan watak yang kurang penting melahirkannya atau untuk mencipta satu pertentangan dengan satu pandangan yang dikemukakan oleh pihak lain, oleh watak-watak yang lebih berkaliber. Justeru, pemikiran mestilah dipertimbangkan hanya dalam konteks dan hubungannya dengan keseluruhan karya. Apa yang lebih penting ialah bagaimana terkawal atau baiknya pemikiran dikemukakan.

Menurut S. Othman Kelantan (1997:269) pemikiran bermakna idea yang wujud daripada golongan intelektual yang menggunakan fakulti kritikal dalam mindanya untuk memikirkan sesuatu masalah dalam masyarakatnya. Pemikirannya itu disebarluaskan ke dalam lingkungan masyarakatnya atau ke luar daripada masyarakatnya. Mungkin oleh sebab memikirkan ancaman yang muncul pada zamannya, golongan intelektual ini merakamkan ketidaksenangan dan kegelisahannya dalam bentuk novel. Pemikiran yang tersembunyi dalam novel ini dikaji untuk melihat keupayaan dan keunggulan pengarang Melayu meluahkan perasaan mereka yang beragam dan kompleks itu. Justeru, pemikiran dalam novel juga dapat dilihat melalui watak-watak yang beraneka ragam. Lantaran itu, Ali

Ahmad (1978:3) mengatakan watak-watak dalam novel biasanya ramai dan diberikan sifat yang pelbagai. Perhubungan antara watak ini lebih luas dan mengakibatkan konflik yang berlanjutan menjadikan timbulnya permasalahan yang perlu diselesaikan. Sekiranya watak hanya seorang dua, maka masalah yang dihadapinya lebih luas dan memerlukan penghuraian yang mendalam. Oleh yang demikian, peristiwa-peristiwa dalam novel banyak dan berpanjangan dengan peringkat-peringkat turun naiknya. Dengan kata lain jalan ceritanya mempunyai plot dan anak plot.

Kesimpulannya pemikiran dalam novel dapat dilihat apabila pengarang mendedahkan dan menghubungkan pertalian antara sesuatu peristiwa atau situasi. Kemudian, pengarang mencari sebab akibat yang wujud akibat sesuatu peristiwa untuk memahami punca sesuatu kejadian. Sesudah menilai, pengarang mula menggerakkan sesuatu yang baru diperolehnya dan dikongsi bersama agar mendapat manfaat kepada pembaca. Lantaran itu, idea yang diperoleh dicernakan ke dalam karya dengan cara yang kreatif serta dapat dilihat secara tersirat dan tersurat. Dari sini pembaca atau pengkaji sastera akan dapat melihat bagaimana pengarang menggunakan kebijaksanaan akalnya dalam memperlihatkan sesuatu fenomena.

### **Teknik Penceritaan dalam Novel Melayu**

Menurut S. Othman Kelantan, (1985:42) teknik penceritaan dalam novel menentukan sesebuah novel itu dapat membawa persoalan seperti tema,

perwatakan, latar, stail dan sebagainya. Teknik amat penting kepada seseorang pengarang untuk menulis novel kerana dengan menguasai teknik seseorang pengarang dapat menyampaikan sesuatu perutusan atau motif dengan lebih halus dan berkesan. Mengetahui tentang teknik bererti bagaimana cara menulis novel dengan baik. Walaupun kejayaan sesebuah novel bukan semata-mata bergantung kepada teknik penyampaian, akan tetapi dengan mengetahui teknik bererti seseorang pengarang itu dapat menentukan dengan berkesan dan munasabah bagaimana hendak mengatur dialog, monolog, monolog dalaman, arus kesedaran, imbas kembali, imbas muka (flash forward and foreshadowing) dan sebagainya.

Penciptaan karya sastera menurut Shahnon Ahmad (1989:23) sama seperti proses penciptaan karya-karya seni yang lain, adalah satu kegiatan yang didukung oleh orang-orang yang diberi bakat mencipta, yang kemudian sedar tentang kebakatannya dan berusaha mengeksplotasi bakat itu seluas mungkin untuk tujuan kemanfaatan dan keindahan bersama. Bertolak dari kebakatan itulah dia mengumpul dan menyusun segala pengalaman yang memang kucar-kacir, mengandungi (kalau ianya sebuah novel) idea-ideanya ceritanya, latarnya, manusianya dan segala aspek-aspek kemanusiaan yang lain yang memang pula berencaman dan membentuk melalui gaya atau teknik yang khusus sehingga terpada segala-galanya dan berbuahlah apa yang disebut sebagai novel. Justeru, pemilihan teknik penceritaan yang sesuai penting untuk menyampaikan sesuatu mesej kepada pembaca.

Kesimpulannya, tidak dapat dinafikan teknik dalam sesebuah novel penting. Tanpa menggunakan teknik yang sesuai sudah tentu pemikiran yang cuba disampaikan oleh pengarang menjadi kabur. Penggunaan teknik yang sesuai akan menghidupkan lagi mesej yang disampaikan oleh pengarang dan menarik minat pembaca untuk membaca sesebuah novel. Teknik dan isi dalam sesebuah novel Melayu adalah unsur yang penting. Ketidakseimbangan antara keduanya akar menjelaskan nilai sesuatu karya.

### **Novel-novel Komponen Sastera dalam Bahasa Melayu**

Novel-novel komponen sastera dalam bahasa Melayu ialah novel yang digunakan untuk dijadikan bacaan wajib untuk pelajar-pelajar tingkatan 1 hingga tingkatan 5 dilaksanakan berdasarkan zon yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia seperti yang berikut:

#### **Zon 1**

Zon 1 meliputi negeri Selangor, Wilayah Persekutuan, Negeri Sembilan dan Perlis. Novel-novel yang digunakan adalah seperti berikut:

a. Novel *Meniti Kaca*

Novel *Meniti Kaca* ditulis oleh Raja Sabaruddin Raja Abdullah dan diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1991. Novel ini telah dijadikan novel

bacaan wajib kepada pelajar-pelajar tingkatan 1. Novel *Meniti Kaca* mengisahkan Nazar, seorang anak tunggal yang masih remaja tidak mendapat kasih sayang yang cukup daripada kedua orang tuanya kerana ibunya berpenyakit nanar dan ayahnya juga menderita sakit. Hidupnya tidak terurus. Akhirnya, ibunya meninggal dunia, ayahnya pula menyusuli ibunya tidak lama kemudian. Tanpa ayah dan ibu, Nazar terpaksa bergantung kasih kepada ibu saudara, kawan-kawan dan jiran-jirannya. Berbekalkan kesabaran, ketabahan dan keyakinan, akhirnya dia berjaya mengharungi cabaran hidup.

b. Novel *Pahlawan Pasir Salak*.

Novel *Pahlawan Pasir Salak* ditulis oleh Mohd. Ismail Sabirin dan diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1986. Novel ini telah dijadikan novel bacaan wajib kepada pelajar tingkatan 2 mengisahkan semangat perjuangan penduduk Pasir Salak menentang penjajah kerana cinta akan tanah air. Golongan remaja yang terdiri daripada Deli, Amin dan Akub juga turut terlibat mempertahankan Pasir Salak. Semangat juang yang tinggi di kalangan penduduk menyebabkan mereka telah menang dalam pertempuran dengan Inggeris. Mereka berjanji akan terus mempertahankan Pasir Salak daripada dikuasai oleh orang-orang Inggeris.

c. Novel *Panas Salju*.

Novel *Panas Salju* ditulis oleh Talib Samat dan diterbitkan oleh Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd. pada 1995. Novel ini telah dijadikan bacaan wajib kepada pelajar tingkatan 3 mengisahkan pengorbanan seorang ibu bernama Bushrah mendermakan hati dan hemedunya kepada anaknya menggemparkan seluruh negara. Walaupun menerima kritikan tajam daripada pertubuhan sosial dan persatuan asasi manusia, dia tetap dengan pendiriannya untuk memindahkan hati dan hemedunya ke badan Nadhirah. Pemindahan hati dan hemedu tersebut berjaya namun Bushrah meninggal dunia beberapa tahun kemudian.

d. Novel *Bukit Kepong*

Novel *Bukit Kepong* ditulis oleh Ismail Johari dan diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1999. Novel ini telah dijadikan bacaan wajib kepada pelajar tingkatan empat. Novel ini dijalin daripada satu peristiwa sejarah. Sejarah hitam yang sungguh menyayat hati iaitu peristiwa Bukit Kepong yang berlaku pada tahun 1950 apabila Balai Polis Bukit Kepong, Johor Darul Takzim diserang dan dibakar komunis. Empat belas anggota polis telah terkorban. Ada yang menjadi cacat seumur hidup. Anak isteri turut terbunuh. Anak-anak menjadi yatim piatu. Para isteri menjadi balu. Orang-orang kampung kehilangan saudara-mara. Novel ini banyak menyingkap pahit getir perjuangan pahlawan negara ketika mempertahankan tanah air tercinta daripada diceroboh anasir subversif.

e. Novel *Konserto Terakhir*

Novel *Konserto Terakhir* ditulis oleh Abdullah Hussain dan diterbitkan oleh Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd. pada tahun 1990. Novel ini dijadikan bacaan wajib kepada pelajar-pelajar tingkatan 5 mengisahkan perjuangan hidup seorang anak muda yang bernama Hilmi berasal dari kampung berhijrah ke bandar untuk mencari pekerjaan dan akhirnya berjaya menjadi seorang seniman besar negara. Hilmi digambarkan banyak menghadapi dugaan hidup sebelum berjaya menjadi seniman besar. Novel ini juga mengisahkan kehidupan golongan kaya di kota yang mementingkan status sehingga hilang nilai-nilai kemanusiaan. Manusia hidup tanpa arah tujuan, suruhan agama diabaikan sehingga ada di antara mereka yang terpesong akidahnya apabila mempercayai perkara-perkara syirik.

## **Zon 2**

Zon 2 meliputi negeri Sabah, Sarawak, Pahang dan Terengganu.

a. Novel *Limpahan Darah di Sungai Semur*

Novel *Limpahan Darah di Sungai Semur* ditulis oleh Zakaria Salleh dan diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1988. Novel itu telah dijadikan bacaan wajib kepada pelajar-pelajar tingkatan 1 mengisahkan semangat perjuangan, keperwiraan dan keberanian para anggota askar Melayu menentang

pengganas. Walaupun bilangan mereka kecil hanya 26 orang menentang 250 orang musuh, askar Melayu tetap tidak menyerah.

b. Novel *Timulak Kapal Perang*

Novel ini ditulis oleh Azmah Nordin dan diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1989. Novel ini dijadikan bahan bacaan wajib kepada pelajar-pelajar tingkatan 2 mengisahkan perjuangan sekelompok gadis memberikan kerjasama kepada Paduka Mat Salleh berjuang menentang campurtangan Inggeris di Sabah. Andayu, watak utama dalam cerita ini bersama-sama teman sebayanya Suri, Sirah, Unong dan Tiah saling berganding bahu dengan Halipan anak muda dari keluarga Mat Salleh dan Dayang Bandan memberikan maklumat, bertindak sebagai Sulu, merawat pejuang-pejuang yang cedera dan ikut dalam gerakan menentang Inggeris. Watak utama Andayu merupakan seorang gadis yang cekap, berani dan tahu dalam menghadapi detik-detik perjuangan.

c. Novel *Ekspedisi*

Novel *Ekspedisi* ditulis oleh Mohd Ghazali Tocheh diterbitkan oleh Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd pada tahun 1998. Novel tersebut dijadikan bacaan wajib kepada pelajar-pelajar tingkatan 3 mengisahkan pengembaraan sekumpulan remaja yang terdiri daripada Hadi, Zarul, Seng Nam, Ban Lee, Surindran, Shanta, Nazri dan Salim untuk menakluk Gunung Itik. Pelbagai pengalaman dilalui oleh sekumpulan ramaja tersebut seperti terserempak dengan